

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

HGM 332 Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM  
EMPAT [4] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. Sejauh manakah Teori Gestalt dan Teori S-R menggambarkan keadaan sebenar tingkahlaku manusia ekonomi dalam ruangan?  
(25 markah)
2. Dengan merujuk kepada Jadual 1,
  - (a) Bincangkan pola purata pertumbuhan tahunan pengeluaran pertanian di dunia, negara kapitalis maju, negara ekonomi perancangan pusat dan negara membangun,  
(10 markah)
  - (b) Apakah kemungkinan impak pola tersebut kepada masa depan sosio-ekonomi negara-negara di dunia.  
(15 markah)
3. Dengan menggunakan dua (2) teori organisasi ruangan, bincangkan bagaimana ia mampu mengatasi masalah kegiatan ekonomi.  
(25 markah)
4. Berdasarkan kepada Jadual 2, bincangkan tren pertumbuhan keluaran domestik kasar (KDK) dan nilai ditambah sektor pembuatan negara-negara di dunia. Apakah kesannya kepada perubahan peta pembuatan dunia.  
(25 markah)

5. (a) Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan struktur kos dan faktor-faktor yang mempengaruhi kos pengangkutan.

(15 markah)

(b) Sejauh manakah peningkatan dalam teknologi dapat mengatasi masalah geseran jarak dalam ruangan?

(10 markah)

6. Dalam isu pembangunan ruangan dunia, konsep sumber dan faedah bandingan kerap kali berubah. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauh manakah ia dipengaruhi oleh perubahan dalam teknologi?

(25 markah)

**Jadual 1**  
**Purata Pertumbuhan Tahunan Pengeluaran Pertanian Dunia**  
**(Peratus)**

	Jumlah Pengeluaran				Pengeluaran Perkapita			
	1951-60	1961-70	1971-80	1979-85	1951-60	1961-70	1971-80	1979-85
Dunia	3.3	2.6	2.1	2.0	1.3	0.6	0.3	0.6
Negara Kapitalis Maju	2.5	1.9	1.8	1.0	1.3	0.8	1.0	0.4
Amerika Utara	1.0	1.8	2.0	1.1	0.1	0.3	1.1	0.5
Eropah Barat	2.7	2.3	1.9	1.0	1.8	1.5	1.4	0.7
Jepun	3.9	0.9	0.1	1.6	2.8	-0.8	-1.0	0.6
Negara Ekonomi Perancangan Pusat	4.4	2.9	2.1	1.6	2.9	1.8	1.3	1.0
Eropah Timur	3.0	2.1	2.3	t.d	2.0	1.4	1.6	0.9
Kesatuan Soviet	5.2	3.4	1.7	1.7	3.4	2.0	0.9	1.0
Negara Membangun	3.2	2.8	2.6	2.2	1.0	0.4	0.1	0.3
Afrika	2.5	2.7	1.1	1.9	0.3	-0.1	-1.6	-0.5
Amerika Latin	3.5	3.0	3.4	1.8	0.8	0.8	0.8	-0.1
Timur Tengah	3.4	2.9	3.8	1.7	0.6	0.0	1.1	-0.3
Timur Jauh	3.0	2.7	2.0	2.8	1.2	0.0	-0.2	1.0
China	t.d	3.0	3.3	4.0	t.d	1.1	1.8	3.3

**Sumber :** Pertubuhan Makanan Sedunia, Bank Dunia dan Statistik daripada Jabatan Pertanian Amerika Syarikat, 1951-1985.

Jadual 2  
Kadar Pertumbuhan Keluaran Domestik Kasar (KDK) dan Kadar  
Pertumbuhan Nilai Ditambah Pembuatan (NDP) (Peratus)

Wilayah dan Negara	Kadar Pertumbuhan KDK			Kadar Pertumbuhan NDP		
	1991	1992	1993	1991	1992	1993
Dunia	-0.1	1.4	3.0	-3.0	-1.4	2.0
Negara Membangun (tidak termasuk China)	3.2	3.8	4.6	3.0	4.4	5.5
Amerika Latin dan Caribbean	2.9	3.1	4.0	1.6	2.7	3.9
Afrika Tropika (sub-Sahara)	1.8	2.2	2.7	2.7	4.0	4.4
Afrika Utara	2.5	2.8	3.1	3.1	4.2	4.9
Asia Barat	3.0	4.5	4.4	4.5	7.5	5.8
Benua Kecil India	2.7	4.3	4.8	2.2	6.1	8.0
Asia Timur, Asia Tenggara dan Oceania	6.7	6.7	6.9	7.8	7.5	7.8
Negara Ekonomi Pasaran Maju	0.7	2.0	3.2	-1.3	1.3	3.8
Amerika Utara	-0.8	1.9	3.8	-2.6	2.0	6.1
Eropah Barat	0.7	1.5	2.5	-2.0	-0.1	1.9
Negara maju yang lain	-1.7	1.9	2.9	-4.3	0.9	2.6
China	7.0	8.3	7.8	-	-	-
Eropah Timur dan bekas Kesatuan Soviet	-16.7	-14.0	-7.4	-15.5	-21.1	-14.9
Ekonomi Perancangan Pusat Asia	6.8	7.9	7.6	-	-	-

Sumber : UNIDO, (1992) Industry and Development : Global Report 1992/93,  
United Nation:Vienna.